

# AMCOSOL SYRUP

Ambroxol hydrochloride (30mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Amcosol
2. Bagaimana Amcosol berfungsi
3. Sebelum menggunakan Amcosol
4. Cara menggunakan Amcosol
5. Semasa menggunakan Amcosol
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Amcosol
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Amcosol

Ia digunakan untuk merawat keadaan rembesan atau mukus berlebihan di dalam saluran pernafasan.

## Bagaimana Amcosol berfungsi

Amcosol mengandungi ambroxol hydrochloride yang menghilangkan rembesan atau mukus di dalam saluran pernafasan dengan mengurangkan kelikatannya.

## Sebelum menggunakan Amcosol

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil Amcosol jika terdapat alahan kepada ambroxol hydrochloride atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam Amcosol. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### *Mengandung dan menyusukan anak*

Penggunaan Amcosol harus diberi perhatian teliti semasa hamil. Kesan baik dan buruk daripada ubat ini kepada bayi harus dinilai.

### - Sebelum menggunakan Amcosol

Beritahu doktor jika mempunyai masalah buah pinggang atau hati.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasarnya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Amcosol

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak umur lebih 12 tahun: 10ml (2 camca teh) dua kali sehari. Kanak-kanak 6 – 12 tahun: 5ml (1 camca teh) 2 – 3 kali sehari. Kanak-kanak 2 – 6 tahun: 2.5ml (½ camca teh) tiga kali sehari. Kanak-kanak 1 – 2 tahun: 2.5ml (½ camca teh) dua kali sehari.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Amcosol

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Amcosol.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi Amcosol dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu dan mengendalikan jentera sehingga anda mengetahui kesan ubat ini terhadap anda.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Amcosol boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Gerakbalas alahan mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

[npa.moh.gov.my](http://npa.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Amcosol

### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap tanpa warna berperisa ceri.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: ambroxol hydrochloride.  
- Bahan tidak aktif: perisa ceri, liquid glucose, methyl parabens, propyl parabens, sodium citrate, citric acid, air dan sirap.

### - Nombor MAL

MAL19912104XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

03/04/2017

## Nombor siri

BPFK(R4/1)010417/00044